

16 JAN 2002
RINGGIT-TAMBAT/I
TIDAK PERLU UBAH TAMBATAN RINGGIT BUAT MASA INI

Oleh: Siti Hawa Othman, Mohd Faizal Zakariah dan Massita Ahmad
KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Perlukan Malaysia menurunkan nilai ringgit sekarang setelah yen Jepun turun?

Ianya tidak perlu, kata banyak pengulas bermaklumat selepas timbul spekulasi bertubi-tubi sejak beberapa hari lepas.

Tambahan RM3.80 kepada satu dolar AS, yang diperkenalkan pada 1 September 1998 ketika krisis kewangan bergolak di rantau Asia, telah memanfaatkan negara daripada segi objektifnya.

Semasa mengumumkannya sebagai sebahagian daripada kawalan modal terpilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tambatan berkenaan telah melindungi Malaysia daripada pergerakan pertukaran wang asing yang tidak menentu.

Dr Mahathir juga telah menyatakan bahawa tambatan berkenaan akan membolehkan seseorang mengetahui dengan tepat jumlah ringgit akan diperolehi daripada sesuatu mata wang asing.

"Kita perlu menetapkan nilai ringgit supaya peniaga dan orang persaoangan akan mengetahui kedudukan kewangan mereka dan dengan itu ekonomi akan beroperasi dengan baik," katanya ketika itu.

Kawalan itu telah menyekat mereka yang memanipulasikan pasaran wang dan sekaligus mengaut untung yang banyak daripada pergerakan matawang yang tidak menentu.

Kestabilan merupakan kunci utama ketika itu begitu juga sekarang bagi para perancang ekonomi negara yang menetapkan strategi bagi meningkatkan semula keyakinan dan mengekang gangguan bakal penyangak-penyangak matawang.

Meskipun banyak kritikan tajam yang diterima mengenai langkah Malaysia yang dikatakan mundur itu apabila kawalan itu mula-mula diumumkan, perancang-perancang ekonomi negara tidak terkeliru atau mengalah. Kritikan itu akhirnya mengakui kekuatan pengurusan ekonomi Malaysia yang menghalang negara daripada mengalami keruntuhan ekonomi.

Sehingga ke hari ini, banyak penganalisis yang bermaklumat tidak berfikir perlu bagi ringgit ditambat semula dalam keadaan sekarang.

Isu utamanya ialah matawang di rantau ini telah agak stabil meskipun terdapat kelemahan dalam yen sekarang.

Dan apakah maknanya ini?

Ia bermaksud bahawa ringgit tidak perlu ditambat semula buat masa ini.

Menjelang hujung tahun lepas, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata tiada sebab untuk menambat semula ringgit memandangkan ekonomi negara berada dalam kedudukan yang amat baik dan sistem kewangananya tidak mengalami tekanan.

Beliau memberikan pelbagai faktor fundamental yang menyokong tambatan ringgit sekarang. Ia termasuk asas domestik seperti polisi kerajaan yang menggalakkan inflasi yang rendah, mengekalkan paras hutang luar dan meningkatkan imbalan luar yang kukuh.

Di samping itu, rizab asing Malaysia telah dikekalkan pada paras yang selesa iaitu RM117.2 bilion atau AS\$30.8 bilion pada separuh kedua Disember, manakala sektor perbankan adalah kukuh dan berdaya tahan.

Sementara kelemahan yen menjadi faktor untuk dipertimbangkan, para penganalisis yang ditemubual berkata kebimbangan utama adalah dari China sekiranya ia menilaikan semula yuan kerana negara berkenaan merupakan pesaing sebenar bagi ekonomi Asia tenggara.

"Penurunan nilai kecil matawang Asia di antara 1.0 dan 3.0 peratus buat masa ini bukan suatu yang besar apabila dibandingkan dengan krisis kewangan

1997/1998. Sejak itu yuan China kekal pada tahapnya," kata seorang penganalisis.

Memandangkan China tidak berhasrat saqma sekali untuk menurunkan nilai matawangnya, ini bermakna Malaysia tidak mengalami tekanan.

"Tekanan ke atas ringgit ialah daripada yuan, bukan yen. Jika nilai yuan diturunkan, ia akan menekan dolar Hong Kong dan ini sebaliknya mempengaruhi tambatan matawang berikutnya, iaitu ringgit," kata Anthony Dass, ketua penyelidikan SJ Securities Sdn Bhd.

China, kata beliau, tidak akan menurunkan nilai matawangnya hanya untuk merangsangkan persaingan kerana produktivitinya adalah kukuh.

Tambahan pula, kata beliau, China mempunyai rizab yang banyak untuk terus berada kekal pada tambatannya kini iaitu pada 830 yuan kepada satu dolar AS.

Meor Amri Meor Ayob, ketua penarafan institusi kewangan Rating Agency Malaysia (RAM) juga tidak melihat perlunya China menurunkan nilai yuan kerana ianya merupakan ekonomi terkawal.

Pasaran China sendiri, kata beliau, adalah begitu besar sehingga ia boleh menjadi ekonomi dengan bersendirian.

Meor Amri berkata kunci kepada sama ada ringgit perlu ditambah semula tidak bergantung pada nilai yen sahaja tetapi mengenai persaingan produk Malaysia juga.

"Walaupun jika yen ialah pada 160 kepada satu dolar AS, ianya masih agak baik bagi Malaysia memandangkan kebanyakan input elektrik pengeluar kita adalah dari Jepun dan kita boleh mengimport dengan murah (dari Jepun)," katanya.

Dan Jepun kata beliau, bukanlah pesaing kepada Malaysia tetapi pembekal manakala China ialah saingan.

Selagi tidak terdapat perubahan fundamental, Malaysia tidak harus mengubah tambatannya kerana beberapa faktor positif atau jika tidak ia semata-mata merupakan reaksi keterlaluan, kata Meor Amri.

Datuk Mustafa Mansur, pengerusi jawatankuasa perniagaan antarabangsa bagi Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), juga merasakan bahawa tiada keperluan untuk menambat semula kerana penurunan nilai yen yang kecil tidak mungkin menyebabkan ketidakstabilan dalam matawang Asia.

"Ringgit kita amat kompetitif. Produktiviti kita telah bertambah baik dan kos pengeluaran di sini lebih rendah," kata Mustafa, yang juga naib presiden FMM.

Dengan itu, kata beliau, penyusutan nilai yen yang sedikit tidak akan menjejaskan pengeluaran-pengeluaran tempatan.

Tetapi jika penurunan nilai yuan China tidak berlaku, Mustafa berkata ia akan memberi kesan kepada eksport Malaysia, khususnya, memandangkan China merupakan pembekal utama bagi produk yang sama.

Kini yen diniagakan pada 131.80 satu dolar dan Dass menjangka yen akan bergerak di antara 130 dan 140 bagi tahun 2002. Sekiranya ia akan turun naik di antara 140 dan 145, Dass percaya bahawa Bank of Japan berkemungkinan campurtangan.

Kedua-dua Dass dan Meor Amri juga merasakan bahawa adalah tidak adil untuk membandingkan tambatan ringgit Malaysia dengan peso Argentina.

"Kedua-dua merupakan entiti yang berbeza," kata Dass yang menekankan bahawa peso Argentina merupakan tambatan satu-atas-satu dengan dolar AS manakala ringgit pula ialah pada 3.80.

Perbezaannya ialah semasa Malaysia menambat matawangnya untuk melindunginya daripada ketidakstabilan matawang yang berpotensi berlaku dan bagi menghalang aliran keluar modal jangka pendek, Argentina menggunakan tambatannya untuk menarik pelabur asing dan menangani inflasi.

Tambahan pula, Malaysia jauh lebih berjaya daripada Argentina dalam pertumbuhan ransangan ekonomi dan menarik dana pelaburan tempatan dalam

suasana kestabilan pertukaran wang.

Meor Amri juga berkata bahawa semasa jiran-jiran Argentina seperti Uruguay, Chile dan Brazil telah menurunkan nilai matawang mereka dengan banyak, Argentina masih berpegang kepada tambatan. Hasilnya, produknya Argentina berharga lebih tinggi menyaksikan hanya beberapa pembeli daripada negara jiran Latin Amerika dan ini menyebabkan eksport Argentina jatuh.

Bagi senario tempatan, Meor Amri berkata tidak terdapat kajian semula yang aktif di kalangan negara jiran Malaysia seperti Singapura atau Hong Kong.

Mereka yang melihat secara ekstrem bahawa ringgit perlu ditambat semula dengan lebih rendah merasakan bahawa ia akan menjadikan eksport lebih murah sementara matawang yang berlebihan nilai menyebabkan kebocoran dalam aliran modal.

Tetapi sebaliknya, sektor dengan kandungan import yang tinggi dan syarikat yang mempunyai pinjaman asing yang tinggi akan menghadapi tambahan tekanan daripada kerugian pertukaran wang asing di dalam imbalan dagangan mereka.

Konsensusnya ialah sekiranya ia ditambat semula, faktor utama ialah daya saing eksport Malaysia.

Ini adalah kerana kesan tambatan semula yang lebih rendah mungkin menyaksikan inflasi yang diimport meningkatkan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang sebelumnya stabil sekitar 1.5 peratus.

Dan peningkatan kos import boleh membawa kepada IHP yang lebih tinggi dan menyebabkan kadar faedah yang lebih tinggi.

Ia tidak memberi kebaikan kepada Malaysia memandangkan perancang kewangannya telah berusaha keras untuk mengekalkan regim faedah yang rendah bagi merendahkan kos perniagaan.

Faktor penting untuk diingati dalam krisis kewangan Argentina ialah inflasi yang agak tinggi, kadar faedah yang tinggi yang seterusnya melumpuhkan belanjawan negara dan kesukaran yang dihadapi oleh perniagaan skala kecil dan sederhana dalam mendapatkan pinjaman meskipun hakikat kemasukan bank-bank milik asing. -- BERNAMA

SHO/MFZ/MAS SHY NHD OS